

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan laluan khas di hospital-hospital ATM supaya mampu memberi layanan khusus kepada veteran ATM yang berusia 60 tahun ke atas agar tidak terlalu lama menunggu untuk menerima rawatan mahupun mendapatkan bekalan ubat.

JAWAPAN:

Hospital Angkatan Tentera (HAT) diwujudkan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada anggota-anggota di dalam perkhidmatan dan juga veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Statistik sejak 3 tahun ke belakang, peratusan pesakit veteran ATM yang menerima rawatan di Hospital Angkatan Tentera (HAT) adalah di dalam lingkungan 15% hingga 20% di tiga Hospital Angkatan Tentera (AT) yang utama. Kesemua Hospital Angkatan Tentera mematuhi polisi dan garis panduan yang dikeluarkan iaitu mematuhi KPI *'waiting time'* kurang dari 90 minit setiap pesakit. Memandangkan masih berlaku kekangan terutama di dalam bilangan pakar perubatan, Bahagian Perkhidmat Kesihatan ATM (BPK- ATM) masih belum bercadang untuk mengadakan laluan khas yang khusus untuk veteran melebihi 60 tahun. Walau bagaimanapun, pihak Hospital AT akan memberi pertimbangan bergantung kepada kes-kes rawatan veteran yang diterima. Pada masa ini Hospital AT Tuanku Mizan telah mewujudkan Farmasi Veteran untuk pembekalan ubat-ubatan kepada golongan veteran. BPK-ATM seterusnya mempunyai perancangan untuk mewujudkan Farmasi Veteran semua Hospital AT agar dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan veteran ATM.